

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 9 FEBRUARI 2022
AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 38

NCIA dan CIMB pacu pemulihan PKS pasca pandemic

NCIA dan CIMB pacu pemulihan PKS pasca pandemik

PETALING JAYA – Pihak Berkua-sa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), CIMB Bank Berhad dan CIMB Islamic Bank Berhad kel-marin melancarkan kerjasama bagi menyokong pemulihan pe-rusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang terjejas akibat pan-demik menerusi Skim Usahawan NCIA-CIMB.

Melalui skim berkenaan, usa-hawan yang layak boleh mendapat rebat sebanyak 50 peratus daripada jumlah faedah/keun-tungan bagi permohonan Pembi-ayaan Quick Biz PKS CIMB.

Inisiatif berkenaan bakal me-nyokong sasaran NCIA untuk membantu sekurang-kurangnya 1,000 perusahaan mikro dan PKS dalam baki tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 dari 2022 hingga 2025.

Ketua Pegawai Eksekutif Kum-pulan CIMB Group, Datuk Abdul Rahman Ahmad berkata, sejak dua tahun kebelakangan ini, pan-

demik memberi impak besar ke atas komuniti dan menjadikan kehidupan banyak pihak.

"Sambil kita melihat ke masa hadapan dan meneruskan laluan ke arah pemulihan, CIMB terus menyokong usaha untuk meran-cakkan semula ekonomi kita.

"Kerjasama dengan NCIA ini sebahagian daripada pelbagai inisiatif yang kami sediakan un-tuk mempercepatkan pemulihan, pertumbuhan dan pembangunan PKS, yang turut menggariskan cita-cita Forward 23+ kami untuk menjadi sebuah Organisasi Yang Didorong Tujuan," katanya dalam satu kenyataan kelmarin.

Inisiatif CIMB lain untuk golongan PKS termasuk program permentor CIMB MicroBiz-Ready yang sedang berjalan, bagi melengkapkan perniagaan B40 dengan peralatan untuk berkem-bang maju tidak hanya dalam persekitaran Covid-19, malah un-tuk masa depan.



KETUA EKSEKUTIF NCIA, Datuk Seri Jebasingam Issace John (kiri) bertukar memorandum persetujuan dengan Abdul Rahman (tengah) sambil disaksikan Perdana Menteri dalam majlis di Kedah Rubber City, kelmarin.